

22 JAN 1999

SINGAPURA HARUS TAHU MENGENANG PENGORBANAN MALAYSIA

KOTA BAHARU, 22 Jan (Bernama) -- Singapura tidak harus mengambil kesempatan daripada sikap "mengalah dan berkorban" Malaysia terhadap negara jirannya itu yang boleh menjejaskan semangat Asean.

Setiausaha Biro Antarabangsa Umno, Mustapha Yaakub berkata Malaysia selama ini telah banyak berlembut dan berkorban untuk Singapura termasuk dalam isu bekalan air dan pencerobohan ruang udara oleh jet pejuang negara itu, semata-mata bagi menjaga hubungan negara berjiran.

"Singapura tidak pernah mengenang pengorbanan yang dilakukan oleh Malaysia selama ini, yang mereka tahu ialah mencetuskan masalah yang jelas membelakangkan semangat Asean," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Singapura, S. Jayakumar yang mahukan Malaysia mengiktiraf kedaulatan Singapura dalam isu pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Stesen Keretapi Tanjong Pagar sebelum kedua-dua negara mencari jalan menyelesaikan isu-isu dua hala dalam satu pakej.

Beliau berkata, Singapura sepatutnya harus jujur dan ikhlas dalam menjalin hubungan dengan negara jirannya selepas banyak menimbulkan suasana tegang dengan Malaysia sepanjang tahun lepas.

Sehubungan itu, Biro Antarabangsa Umno mahukan kerajaan Malaysia bertegas dan mempertahankan pendiriannya untuk menyelesaikan dalam satu pakej khas semua isu berbangkit dengan Singapura termasuk isu CIQ.

"Singapura mesti menghormati kata sepakat yang dicapai kedua-dua Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh Chok Tong, untuk menyelesaikan semua isu itu dalam satu pakej khas," katanya.

-- BERNAMA

BD PR